



23 Ogos 2021  
23 August 2021  
P.U. (A) 344

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 9) 2021

### *INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 9) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 9) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 9) 2021.**

(2) Perintah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2021 hingga tahun taksiran 2022.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini—

“pelancong tempatan” ertinya individu warganegara Malaysia atau yang bermastautin di Malaysia;

“pelancong asing” ertinya individu selain daripada pelancong tempatan, yang bukan warganegara Malaysia atau yang tidak bermastautin di Malaysia; dan

“perniagaan pengendalian pelancongan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Industri Pelancongan 1992 [*Akta 482*].

**Orang yang layak**

3. Orang yang layak yang disebut dalam Perintah ini ialah suatu syarikat—

(a) yang bermastautin di Malaysia;

(b) yang dilesenkan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 untuk menjalankan suatu perniagaan pengendalian pelancongan; dan

(c) yang menjalankan aktiviti yang layak.

### **Aktiviti yang layak**

4. Aktiviti yang layak yang disebut dalam Perintah ini ialah suatu perniagaan pengendalian pelancongan yang menyediakan suatu pakej pelancongan domestik bagi pengembaraan dalam Malaysia yang digunakan oleh pelancong tempatan dan pelancong asing, termasuk pengangkutan melalui udara, darat atau laut dan penginapan.

### **Pengecualian**

5. (1) Menteri mengecualikan orang yang layak daripada pembayaran cukai pendapatan dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada suatu aktiviti yang layak.

(2) Pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan (1) hendaklah hanya terpakai sekiranya jumlah bilangan pelancong tempatan bagi aktiviti yang layak itu tidak kurang daripada dua ratus orang dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.

(3) Jumlah bilangan pelancong tempatan dan pelancong asing bagi suatu aktiviti yang layak hendaklah ditentusahkan secara bertulis oleh seorang pegawai Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia yang diberi kuasa.

(4) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan orang yang layak itu daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain di bawah Akta.

### **Sumber berasingan dan akaun berasingan**

6. (1) Jika orang yang layak menjalankan suatu aktiviti yang layak dan suatu aktiviti selain suatu aktiviti yang layak, setiap aktiviti hendaklah dikira sebagai suatu sumber berasingan dan berlainan bagi orang yang layak itu.